

SOALAN NO. 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

TARIKH : 6 APRIL 2017

SOALAN :

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta PERDANA MENTERI menyatakan pecahan penjawat awam mengikut negeri, jantina, gred, sektor dan jabatan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Mac 2017, bilangan Penjawat Awam mengikut kategori negeri kelahiran yang tertinggi adalah negeri Kelantan iaitu seramai 157,444 (12.5%) orang, diikuti yang kedua tertinggi adalah negeri Perak seramai 144,841 (11.4 %) orang dan diikuti oleh negeri Johor seramai 133,955 (10.6%) orang. Manakala, jumlah yang terendah adalah bagi negeri Perlis seramai 19,175 (1.5%) orang. Butiran terperinci bagi lain-lain negeri adalah seperti di maklumat tambahan.

Bagi pecahan mengikut jantina pula, seramai 726,192 (57.6%) orang penjawat awam adalah wanita berbanding 535,783 (42.4%) orang lelaki.

Untuk pecahan sektor-sektor utama dalam perkhidmatan awam, sektor terbesar adalah daripada sektor Perguruan iaitu seramai 444,317 (27.9%) orang, diikuti oleh Perubatan seramai 129,275 (8.1%) orang, Tentera seramai 124,539 (7.8%) orang, Polis seramai 121,289 (7.6%) orang dan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik seramai 8,765 (0.5%).

Bagi pecahan mengikut kumpulan perkhidmatan (Gred), seramai 1,017,614 (64%) orang merupakan daripada kumpulan pelaksana, 567,638 (35.7%) daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 4,770 (0.3%) daripada kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Manakala bagi pecahan mengikut Kementerian/Jabatan, empat Kementerian tertinggi adalah Kementerian Pendidikan Malaysia 530,097 (33.33 %) orang, Kementerian Kesihatan Malaysia 255,560 (16.1 %) orang, Kementerian Dalam Negeri 180,372 (11.3 %) orang dan Kementerian Pertahanan 136,102 (8.5 %) orang. Butiran terperinci adalah seperti maklumat tambahan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (43)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 6 APRIL 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

SOALAN :-

YB. Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah ada cadangan untuk membina Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Pulau Langkawi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 20 Februari 2017 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyiapkan 1 Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Parlimen Langkawi iaitu PPR Kuah yang meliputi 422 unit rumah PPR. Bagi tahun 2017, Kerajaan masih belum mempunyai perancangan projek baharu di Langkawi. Pihak Kementerian tiada halangan jika terdapat cadangan pembangunan projek PPR di kawasan Parlimen Langkawi dari Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan dalam perancangan pemajuan projek PPR yang akan datang. Namun begitu, ianya tertakluk kepada kelulusan peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017